

UNTUK SIARAN SEGERA

SIARAN AKHBAR

PHARMAGREEN DIDIK GAYA HIDUP MAMPAN BERSIHKAN TAMAN EKO RIMBA KANCHING

RAWANG, 13 Oktober 2018 – Kira-kira 60 orang sukarelawan dari syarikat Pharmaniaga Berhad (Pharmaniaga) telah menyertai aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan Taman Eko Rimba Kanching khususnya kawasan perairan sungai di Rawang Selangor, hari ini.

Program *PharmaGreen* yang julung kali diadakan dengan kerjasama Tourism Selangor merupakan salah satu usaha meningkatkan kesedaran di kalangan kakitangan Pharmaniaga mengenai penjagaan dan pengurusan sumber alam semula jadi yang baik.

Ketua Jawatankuasa Kemampanan Pharmaniaga, Dr Badarulhisam Abdul Rahman berkata, pengurusan yang berkesan terhadap alam sekitar adalah komponen penting dalam falsafah kemampanan syarikat.

“Pharmaniaga sepenuhnya komited untuk mengurangkan atau meminimumkan kesan pencemaran terhadap alam sekitar melalui inovasi, penggunaan sumber semula jadi yang cekap dan mengurangkan pembaziran dalam operasi syarikat bagi mengekalkan eko-sistem untuk generasi akan datang,” katanya.

Beliau berkata, aktiviti tanggungjawab sosial ini juga dapat mengeratkan persaudaraan serta rasa kesatuan di kalangan kakitangan Pharmaniaga sekaligus menerapkan nilai sukarelawan bagi setiap individu.

“Selain itu juga, masyarakat perlu menyedari sungai adalah khazanah alam yang perlu dipelihara supaya fungsinya dalam kehidupan seharian sentiasa berkekalan.

“Sungai yang turut menjadi antara punca utama sumber air mestilah diuruskan dengan baik dan melindunginya daripada segala bentuk pencemaran,” katanya.

UNTUK SIARAN SEGERA

SIARAN AKHBAR

Antara aktiviti program sehari itu adalah mengutip sampah dan membersihkan kawasan air terjun serta mengecat jambatan dan *handrail* yang berdekatan.

-Tamat-

MENGENAI PHARMANIAGA BERHAD

Pharmaniaga Berhad adalah ahli Kumpulan Boustead dan merupakan sebuah syarikat perkhidmatan kesihatan bersepadu yang terbesar di Malaysia. Tersenarai di Bursa Malaysia, teras perniagaan Kumpulan Pharmaniaga adalah pembuatan produk farmaseutikal generik dan peranti perubatan; penyelidikan dan pembangunan; pemasaran dan jualan; logistik dan pengedaran produk farmaseutikal; pembekal dan pemasangan peralatan perubatan; serta farmasi komuniti.

Dengan kekuatan dan kepakaran merentasi rangkaian perkhidmatan kesihatan, operasi perniagaan Kumpulan Pharmaniaga berkembang teguh di Malaysia dan meluaskan pasaran dengan membina tapak di Indonesia dan Vietnam, sekaligus mengukuhkan kedudukan syarikat sebagai peneraju serantau dalam arena farmaseutikal antarabangsa.

Bersandarkan pada moto *Passion For Patients*, Pharmaniaga meletakkan kepentingan pelanggan sebagai keutamaan dalam setiap gerak kerja dengan memastikan setiap produk dihasilkan adalah selamat dan berkualiti tinggi, serta disokong oleh perkhidmatan yang cemerlang.

Dikeluarkan untuk Kumpulan Pharmaniaga oleh Jabatan Komunikasi Korporat, Pharmaniaga Berhad. Untuk sebarang pertanyaan, hubungi Dato' Zuhri Iskandar Kamarzaman di talian 03 3342 9999 sambungan 434 atau melalui emel zuhri@pharmaniaga.com